

## KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN PELAJAR IPT TERHADAP PENGAJARAN SUBJEK AKHLAK

Noraini Mohamad

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Email: [norainimohamad@uis.edu.my](mailto:norainimohamad@uis.edu.my)

Siti Zaleha Ibrahim

Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor

E-mail: [sitzaleha@uis.edu.my](mailto:sitzaleha@uis.edu.my)

### ABSTRAK

Penghayatan akhlak dalam kehidupan umat Islam merupakan sesuatu yang amat dituntut. Penghayatan memerlukan kefahaman terlebih dahulu sehingga ia dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Kecelaruan yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini adalah disebabkan oleh runtuhnya adab dan akhlak dalam diri manusia. Kajian ini dibuat bertujuan mendapatkan maklum balas pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) terhadap penghayatan amalan mulia melalui subjek akhlak yang dipelajari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengumpulan data melalui temu bual secara bertulis. Data kajian telah dianalisis secara bertema berdasarkan enam soalan temu bual yang diedarkan kepada para pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan, sebahagiannya memahami dan menghayati subjek ini dan ada beberapa amalan mulia yang dilakukan oleh pelajar secara konsisten seperti sentiasa senyum, berfikir sebelum bercakap, memilih diam jika tidak ada perkara yang baik untuk diucapkan dan membantu orang memerlukan. Subjek akhlak ini juga telah memberi impak yang baik kepada mereka dan ada yang mengakui terkesan setelah mempelajari subjek ini.

**Kata Kunci :** Penghayatan, Amalan mulia, Pengajaran, Pembelajaran, Akhlak

### 1. Pengenalan

Akhlik Islam merupakan nilai baik yang mendominasi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Tanpa akhlak Islam, umat Islam tidak mampu menyempurnakan ibadah yang lain secara sempurna kerana akhlak Islam itu berada dalam setiap lapangan kehidupan manusia melibatkan aspek akidah, ibadah, muamalat dan jinayah.

### 2. Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian ini melibatkan isu yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu akhlak. Jika dilihat dari aspek silibus pengajaran ilmu akhlak ini, ia telah bermula dan disusun di peringkat pra sekolah lagi. Banyak silibus di pra sekolah melibatkan tadika-tadika yang ada di Malaysia memperlihatkan silibus berkaitan akhlak. Bahkan ia juga telah disambung di peringkat sekolah rendah, seterusnya sekolah menengah sehingga ke universiti. Walau bagaimanapun, tidak pasti ke mana hala tujuanya, apabila semakin ramai pelajar sama ada di sekolah dan universiti mengalami kemerosotan akhlak yang agak meruncing. Sebagaimana kajian menyatakan, kurangnya didikan terhadap akhlak dan kurang efektifnya pembelajaran akhlak bagi anak-anak yang mana pembelajaran akhlak lebih kepada aspek kemampuan kognitif dan kurang memperhatikan aspek afektif. Oleh itu, pelajar hanya mengetahui teori, akan tetapi tidak tercermin dalam kehidupannya (Martan, 2020).

Antara sebabnya juga apabila mereka menganggap pembelajaran subjek akhlak itu sangat mudah sehingga tujuan mereka hanya sekadar memperoleh A dan menepikan kefahaman dan penghayatan yang seharusnya mereka dapat dari subjek tersebut. Selain itu, ramai anak-anak remaja yang mudah

terpengaruh dengan anasir-anasir luar sehingga mereka tidak mampu untuk konsisten mengamalkan akhlak yang baik. Syed Naquib al-Attas (1979) menjelaskan bahawa kemunduran umat Islam pada ketika ini bukan hanya disebabkan faktor luaran sahaja, bahkan ada masalah yang lebih mendasar lagi melibatkan faktor dalaman iaitu ‘the loss of adab’ hilangnya nilai adab. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Martan (2020) dalam penulisannya, beliau menyatakan, metode pengajaran akhlak kepada anak-anak perlu diterapkan melalui beberapa kaedah. Antaranya ialah pembiasaan (pengulangan secara terus menerus sehingga ia menjadi kebiasaan), melalui contoh teladan yang baik (qudwah hasanah), melalui nasihat dan membawakan kisah-kisah yang boleh dijadikan pengajaran yang bermanfaat. Pendidikan akhlak perlu ditekankan dalam membangunkan insan yang bakal menerajui masyarakat dan negara agar tidak berlaku kepincangan ketika kita mengejar kecemerlangan dalam kehidupan (Hasbullah et. al, 2020).

Justeru, penghayatan akhlak ini perlu disemai secara bersungguh-sungguh dan konsisten dalam pengajaran supaya mereka mengetahui bahawa belajar akhlak bukan semata-mata untuk mendapat markah yang tinggi, bahkan lebih jauh daripada itu adalah perlu memahami, menghayati dan beramal dengan adab dan akhlak secara berterusan.

### 3. Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk fenomenologi dengan pemilihan sampel secara porposive sampling (sampel bertujuan). Pembinaan instrumen adalah melalui pembinaan protokol temu bual secara ringkas dan berstruktur, manakala pengumpulan data kajian adalah melalui kaedah temu bual bersama pelajar yang terlibat. Sampel kajian adalah terdiri daripada 8 orang pelajar Universiti Islam Selangor (UIS) semester 4 yang mengambil subjek elektif Pengantar Akhlak. Pemilihan sampel ini diberikan kepada mereka yang berminat untuk menyertai kajian. Data kajian dianalisis secara tematik berdasarkan kepada soalan-soalan yang dikemukakan.

### 4. Kajian Literatur

Perkataan akhlak berasal daripada perkataan bahasa Arab ‘khalaqa’ yang bermaksud menciptakan, menjadikan, membuat. Akhlak berbentuk jamak taksir dalam bahasa Arab dari kata khuluq yang bermaksud tabiat atau budi pekerti. Perkataan khalaqa juga mempunyai akar kata yang sama dengan perkataan Khaliq (Pencipta), makhluq (yang diciptakan) dan khalaq (penciptaan). Dari persamaan akar kata tersebut menunjukkan bahawa akhlak mempunyai kesinambungan dan hubungan di antara Khaliq (Tuhan) dengan tabiat makhluk (manusia) (Nurul Mawahda et. al, 2022).

Mohd Syaubari et.al (2023) dalam penulisannya ada memetik beberapa definisi yang dibawakan oleh para ulama dan cendekiawan antaranya tokoh falsafah akhlak Islam, (Miskawayh 1966) merumuskan akhlak ialah suatu keadaan bagi diri atau jiwa (al-nafs) yang mendorong diri atau jiwa untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tindakan dengan senang tanpa didahului oleh daya pemikiran, kerana sudah menjadi sifat atau kebiasaan. Imam Al-Ghazali (tt) pula menghuraikan bahawa akhlak adalah suatu keadaan yang tetap dalam diri atau jiwa yang melahirkan tindakan, perlakuan, atau perilaku amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran. Ia merupakan suatu keadaan atau sifat yang ada di dalam diri atau jiwa manusia yang telah tetap, sehingga dengan mudah melahirkan perlakuan atau perilaku yang baik atau buruk tanpa difikir atau dirancang terlebih dahulu (Zulfan, 2001).

Nurul Mawahda et. al (2022) menyatakan akhlak baik tidak hanya diperlukan ketika berinteraksi dengan makhluk hidup, namun diperlukan juga ketika berinteraksi dengan Allah. Oleh itu, manusia

perlu diingatkan tentang anjuran dan cara berakhlik baik serta ganjaran berstiqamah dengannya. Sebagaimana maksud hadis, mukmin yang paling sempurna adalah yang paling bagus akhlaknya. Zulfahmi dan Wan Hasmah (2014) menyatakan dalam kajian analisis terhadap konsep akhlak berdasarkan pendapat dua tokoh hebat iaitu al-Ghazali dan Ibnu Miskawayh, mereka menyatakan, kedua-dua tokoh tersebut menekankan bahawa tujuan akhir kehidupan manusia adalah untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Justeru manusia mesti mempraktikkan amalan-amalan kebaikan untuk mencapai matlamat tersebut, manakala dari segi pembentukkan akhlak al-Ghazali dan Ibnu Miskawayh sama-sama membincangkan tentang kebaikan (al-khair), keutamaan (al-fadhill), kebahagiaan (al-sa'adah) dan kesempurnaan (al-kamal). Keempat teori (ajaran) ini mesti diambilkira secara sepadu dan berterusan dalam mewujudkan pendidikan Islam yang berkesan.

## 5. Dapatkan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kajian telah mengeluarkan beberapa tema yang melibatkan kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap subjek akhlak. Berikut merupakan tema-tema yang dikeluarkan melalui dapatan kajian.

### 5.1 Kefahaman Pelajar terhadap Penghayatan Akhlak Islam

Berikut merupakan hasil dapatan kajian terhadap soalan yang dikemukakan berkaitan kefahaman pelajar mengenai penghayatan akhlak Islam. Cara untuk memperbaiki lagi akhlak seseorang dan menjadi mukmin yang berjaya dunia akhirat (PK1). Iman menjadi satu indikator iaitu kayu ukur bagi diri membezakan yang mana hak dan batil, mana yang baik dan buruk, mana yang makruf dan mungkar, sikap perbuatan apa yg dipuji oleh Allah dan RasulNya dan yang dicela oleh Allah dan RasulNya. Sepertimana Hadis Jibril yang diajarkan Sayiduna Rasulullah ﷺ berkenaan Ihsan iaitu "Kamu beribadah kepada Allah seakan-akan kamu melihat-Nya, jika kamu tidak dapat melihat-Nya maka (yakinlah) sesungguhnya Dia melihatmu (PK2). Akhlak merupakan sesuatu yang harus dibentuk dalam diri setiap manusia, seperti ringkasan bagi sabda nabi yang berbunyi dalam diri manusia ada seketul daging jika buruk daging itu makan buruk lah segalanya dan jika baik maka baik lah semuanya (PK3). Memahami dan mengamalkan akhlak-akhlak mulia berlandaskan ajaran Islam (PK4). Dalam Islam, penghayatan akhlak bukan hanya tentang pengetahuan, tetapi juga tentang amalan dan kesedaran moral. Ia membentuk aspek penting dalam kehidupan seorang Muslim (PK5). Apa yang saya faham adalah akhlak dalam Islam membantu dan membentuk peribadi seseorang itu ke arah yang lebih baik (PK6). Apa yg saya fahami ialah tentang penghayatan ilmu akhlak yang telah kita ketahui dan memperkuuhkannya lagi (PK7). Mendalami dan melazimi akhlak mulia yang dituntut dalam Islam serta menjadikan Rasulullah SAW sebagai role model yang utama (PK8). Melalui jawapan yang diberikan oleh peserta kajian yang terlibat membuktikan, hampir kesemua pelajar memahami kepentingan konsep penghayatan akhlak Islam.

### 5.2 Amalan mulia yang telah diamalkan secara konsisten hasil pembelajaran subjek akhlak

Sewaktu sesi pengajaran, pelajar sentiasa diingatkan berkaitan amalan mulia yang mereka perlu lakukan setiap hari secara konsisten. Dapatan yang dikemukakan adalah seperti berikut. Sentiasa bersangka baik pada manusia dan yakin pada Allah SWT (PK1). Berkata baik atau diam, sentiasa bersangka baik tanpa menghukum seseorang secara melulu dan menjaga adab pergaulan diri sesama manusia (PK2). Senyum dan setiap kali ingin melakukan sesuatu saya akan memikirkan kebaikan dan keburukan hasil perbuatan tersebut (PK3). Merasa empati dan memahami mengapa seseorang bersifat sedemikian serta berusaha menyampaikan dakwah (PK4). Kesabaran adalah amalan mulia yang dapat membentuk karakter dan membawa keberkatan dalam kehidupan (PK5). Menghormati orang yang lebih tua dan berilmu (PK6). Rajin bersedekah (PK7). Alhamdulillah dapat melakukan infak setiap hari Jumaat (PK8). Dapatan kajian ini menunjukkan, pelajar telah mengambil satu atau

lebih amalan yang boleh dilakukan oleh secara mudah. Ini berikutan dalam pengajaran yang dijalankan ke atas mereka, mereka sentiasa diingatkan supaya mencari satu atau lebih jika mampu amalan kebaikan yang boleh dilakukan oleh mereka secara mudah dan konsisten. Amalan kebaikan yang dilakukan secara konsisten itu penting untuk pembentukan akhlak walaupun ia dilakukan secara sedikit.

### 5.3 Input baharu dalam pembelajaran subjek akhlak

Tema ini adalah berdasarkan soalan yang diajukan kepada pelajar, adakah mereka mendapat input yang baharu dalam pembelajaran subjek akhlak kali ini?. Berikut merupakan jawapan yang diberikan. Ya, mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan sehari-hari (PK1). Ya, akhlak sangat berkait rapat dengan setiap aspek kehidupan manusia agar setiap gerak kerja kehidupan harian setiap hamba itu dipandu dengan Takwa (PK2). Ya, setiap manusia perlu berakhlek, tiada istilah tak semestinya free hair hatinya buruk, begitulah lebih kurang (PK3). Mempelajari falsafah akhlak oleh Ibn Miskawayh (PK4). Ya, mendapat ilmu pengetahuan yang baik dan juga dapat membezakan kebaikan dan keburukan individu seseorang (PK5). Ya, saya mendapati bahawa akhlak sangat penting bagi seseorang itu khususnya sebagai seorang pelajar itu sendiri kerana akhlak itu dapat membentuk peribadi yang disukai dan direhui Allah SWT (PK6). Ya, saya telah mempelajari betapa pentingnya akhlak yang baik itu bagi seseorang muslim (PK7). Ya, sangat banyak, salah satunya adalah orang yang baik adalah orang yang tidak terlalu baik dan tidak terlalu buruk (PK8). Hasil pembelajaran yang dilalui oleh pelajar sekurang-kurangnya mampu memberi input yang baharu kepada mereka walaupun ada sebahagian masyarakat yang menyatakan subjek akhlak itu telah dipelajari oleh pelajar sejak dari kecil. Sebenarnya, walaupun silibus akhlak ini lebih kurang sama, namun pendekatan yang dimainkan oleh guru perlu berbeza mengikut tahap pelajar dan ia juga perlu disesuaikan mengikut kehendak semasa.

### 5.4 Proses pembentukan akhlak melalui pembelajaran subjek akhlak

Kesinambungan proses pembentukan akhlak itu perlu berlaku secara berterusan mencakupi pelbagai aspek kehidupan melibatkan keyakinan akidah, pelaksanaan ibadah wajib dan sunat, pendidikan, ekonomi, hubungan sosial, pergaulan dan undang-undang. Justeru Pendidikan akhlak memainkan peranan penting dalam proses pembentukan akhlak. Ia bermula dengan pengetahuan, kefahaman, penghayatan, seterusnya pengamalan berdasarkan keinginan yang tulus Ikhlas bukan atas dasar paksaan. Berikut merupakan dapatan kajian yang diperoleh hasil temu bual yang dijalankan. Majoriti bersetuju mengatakan bahawa pembelajaran subjek akhlak ini mampu membentuk keperibadian pelajar. Kenyataannya adalah seperti berikut. Ya betul jika seseorang itu mempraktikkannya (PK1). Ya, perlu ada proses pembentukan akhlak diri. Sepertimana kisah Nabi Musa berguru dengan Nabi Khidr عليهما السلام menguji iman diri dan akhlak ketika melalui satu ekspedisi yang penuh cabaran dan ujian ketika bersama gurunya yang lebih tinggi pengetahuannya. Apa yang diajarkan dalam proses tersebut iaitu sifat sabar (PK2). Benar (PK3). Tidak sepenuhnya tetapi memberikan satu pengetahuan baharu yang diharapkan dapat mengubah sikap para pelajar (PK4). Perubahan tingkah laku dan sifat adalah proses yang berterusan dan memerlukan usaha. Pembelajaran akhlak hanya permulaan. Seseorang perlu mengamalkan nilai-nilai ini dalam kehidupan sehari-hari dan berusaha untuk menjadi lebih baik dari semasa ke semasa (PK5). Ya (PK6). Ya sudah semestinya kerana hal ini jika seseorang itu sentiasa mempraktikkan ilmu akhlak yang telah dipelajari maka imannya akan utuh (PK7). Ya (PK8). Hasil jawapan yang diberikan, kajian mendapati ada pelajar yang betul-betul memahami, namun sebahagiannya masih berada pada tahap sederhana dan kurang mampu menguasai proses pembentukan akhlak Islam yang sebenar.

### 5.5 Keberkesanan pembelajaran subjek akhlak kepada pelajar

Apabila melihat kepada konteks pengajaran, keberkesanan merupakan antara elemen utama yang perlu dinilai. Oleh sebab itu, setiap subjek yang dipelajari perlu ada aspek penilaian yang tersendiri. Begitu juga apa yang diajukan dalam soalan temu bual kali ini. Pelajar diajukan dengan soalan keberkesanan subjek akhlak yang dipelajari. Adakah subjek ini boleh membentuk keperibadian mereka atau tidak. Berikut merupakan jawapan yang diberikan oleh pelajar. “Ya berkesan (PK1). Ya (PK2). Sangat berkesan (PK3). Ya kerana penglibatan bukan sahaja teori malah amali seperti program khidmat ummah (PK4). Ya saya merasakan subjek ini berkesan kerana ia dapat mengubah tingkah laku seseorang kearah kebaikan (PK5). Ya (PK6). Tidak pasti, ini kerana akhlak yang baik itu datangnya dari keikhlasan hati seseorang muslim tersebut (PK7). Ya sangat berkesan jika dihayati oleh pelajar (PK8). Berdasarkan jawapan yang diberikan menunjukkan kefahaman pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran ilmu akhlak ini adalah bergantung kepada kefahaman, penghayatan dan keupayaan masing-masing. Jika dibetulkan niat sewaktu belajar dan memberi fokus kepada pembentukan akhlak, bukan semata-mata subjek yang diambil untuk skor, maka insyaAllah mereka akan mendapat sesuatu yang bermanfaat sebagai bekalan untuk mereka di kemudian hari.

## 6. Kesimpulan

Proses pembentukan akhlak memerlukan masa yang panjang. Ia tidak boleh berlaku dalam masa yang singkat. Oleh kerana itu, pelajar perlu diberi kefahaman, dilatih dan diasuh untuk sentiasa konsisten dengan amalan kebaikan yang dibuat agar perkara tersebut boleh membentuk keperibadian dan jati diri mereka dengan akhlak yang unggul dan mulia.

## 7. Rujukan

- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2020). *Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam*. Jurnal e-Bangi. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan. Vol. 17. No.9 (2020), 75-89. ISSN: 1823-884.
- Martan. (2020). Jurnal Intelektual: Jurnal Pendidikan dan Studi Keislaman. ejournal.iai tribakti.ac.id/index.php/intelektual/index. Volume 10, Nomor 1, April 2020. *Konsep Akhlak dan Metode Pembelajarannya dalam Pendidikan Islam*.
- Mohd Syaubari Othman, Abu Bakar Yusuf, Hasrul Hossnan & Abdul Talib Mohamad Hashim. 2023. *Penghayatan Dakwah Akhlak dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Negeri Perak*. Vol. 3 (1) | JUN 2023: 121-136. ISSN: 2811-4310 | E-ISSN: 2785-8898. www.e-jurnal.yadim.com.my
- Nurul Mawahda Iskandar, Susanti Vera & Agus Suyadi Raharusun. 2022. Gunung Djati Conference Series, Volume 8 (2022) The 2nd Conference on Ushuluddin Studies. ISSN: 2774-6585 Website: <https://conferences.uinsgd.ac.id/gdcs> Copyright © 2022 The Authors. Published by Gunung Djati Conference Series. This is an open access article distributed under the CC BY 4.0 license - <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/294>. Konsep Akhlak dalam Perspektif Hadis Nabi Menggunakan Metode Tematik.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1979). *Aims and Objectives of Islamic Education*. (Jeddah: King Abdul Aziz University), hal.12
- Zulfahmi Syamsuddin & Wan Hasmah Wan Mamat. *Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak Al-Ghazali Dan Ibn Miskawayh Dalam Aspek Intelek*. The Online Journal of Islamic Education. July 2014, Vol. 2 Issue 2.